



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1989

DR.30/1989

D.R. 30/89

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1989.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 15, seksyen baru 15A yang berikut :

Seksyen baru 15A. Akta 69.

“Tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat.

15A. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatan-kuasa Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada dua orang ahli yang akan dipilih oleh atau daripada ahli-ahli Lembaga, yang seorang daripada mereka hendaklah dipilih menjadi pengerusi, dan Timbalan Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 5 (1).

(2) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan penjawat Lembaga, selain daripada Timbalan Pengerusi, ialah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Timbalan Pengerusi hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian sebagai pengerusi dan dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga.

(4) Timbalan Pengerusi tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam apa-apa prosiding di hadapan Jawatankuasa itu yang di dalamnya dia menjadi pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga.

(5) Pada menjalankan tugas-tugas tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang mungkin dibuat di bawah seksyen 32A.

(6) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (7), mewakili mana-mana tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau penjawat Lembaga, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau penjawat tertentu Lembaga atau berkenaan dengan mana-mana golongan atau kategori pegawai atau penjawat Lembaga, dan jawatankuasa yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengulang kaji, menghapuskan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan jawatankuasa sedemikian.

(7) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (6) untuk membolehkan seseorang pegawai atau penjawat Lembaga menjadi ahli sesuatu jawatankuasa yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas pegawai atau penjawat yang berpangkat lebih tinggi daripada dia.

(8) Mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana jawatankuasa yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan di bawah subseksyen (6) boleh, dalam masa 14 hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga yang boleh sesudah itu mengesahkan, mengakaskan atau memberi apa-apa arahan mengenai perkara itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

(9) Keputusan Lembaga mengenai rayuan itu adalah muktamad.”.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 22, seksyen baru 22A yang berikut:

Seksyen
baru 22A.

“Surcaj. 22A. (1) Jika ternyata kepada Lembaga bahawa mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga—

(a) telah gagal mengutip apa-apa wang yang terhutang pada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;

(b) adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulan Wang yang tidak sepatutnya dibuat atau atas apa-apa pembayaran wang yang tidak disahkan dengan sewajarnya;

- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, storan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai, atau yang pernah menjadi sebagai, pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya;
- (e) telah gagal membuat apa-apa bayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa kelambatan dalam pembayaran, wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat di antara orang itu dengan Lembaga,

Lembaga hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcajkan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diberikan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebutkan terdahulu, kepada Lembaga berkenaan dengan kegagalan mengutip, bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, pembayaran yang tidak disahkan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan, atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran, maka Lembaga boleh mensurcajkan sejumlah wang terhadap orang tersebut yang tidak melebihi amaun apa-apa amaun sedemikian yang tidak dikutip, apa-apa bayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang musnah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan

dalam membuat bayaran, Lembaga boleh mensurcaikan apa-apa jumlah wang terhadap orang tersebut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga itu.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan Timbalan Pengerusi diberitahu tentang apa-apa surcay yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Timbalan Pengerusi hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaikan itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcay yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcay patut dibuat, dan Pengerusi hendaklah dengan segera menyebabkan Timbalan Pengerusi diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcay yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya surcay itu dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga didapatkan kembali melalui potongan—

(a) daripada gaji orang yang disurcaikan jika Lembaga mengarahkan sedemikian; atau

(b) daripada pencen orang yang disurcaikan jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.”.

Seksyen
baru 32A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 32, seksyen baru 32A yang berikut :

“Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan
tatatertib.

32A. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan tata-tertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk mengadakan per-untukan mengenai tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang di-buat oleh Lembaga di bawah seksyen ini boleh mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai tahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain, atau peruntukan-peruntukan mengenai penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau penjawat Lembaga sementara menanti prosiding tatatertib selesai.

(3) Peraturan-peraturan tatatertib yang di-buat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang difikir-kan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan tatatertib yang di-buat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tata-tertib, memberi peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil untuk membuat representasi sebelum ke-putusan dicapai oleh pihak berkuasa tatatertib atas pertuduhan tatatertib yang dibuat ter-hadap orang itu.”.

Pindaan
Jadual
Pertama.

5. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “hendak-lah” dalam perenggan 2 (1), perkataan-perkataan “disifatkan telah”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib, dan pengenaan surcay ke atas, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen baru 15A yang menubuhkan suatu Jawatankuasa Tatatertib, menetapkan keanggotaannya dan menerangkan bidang kuasa serta kuasa-kuasanya, termasuk kuasa untuk mewakilkan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipannya. Keputusan-keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh dirayukan kepada Lembaga.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen baru 22A untuk memberi kuasa kepada Lembaga mengenakan surcay ke atas mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang lalu atau sekarang berkenaannya dengan apa-apa kegagalan mengutip, atau bayaran tak patut, wang, kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, kegagalan membuat atau kelambatan dalam membuat bayaran, sekiranya tiada penjelasan yang memuaskan hati telah diberikan bagi perbuatan sedemikian. Amaun surcay sedemikian hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga dan boleh didapatkan kembali atas guaman Lembaga atau melalui potongan daripada gaji atau pencen orang yang disurcayakan itu, jika Lembaga mengarahkan sedemikian.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 32A untuk memberi kuasa kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan tatatertib yang boleh mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai tahanan kerja dengan pengurangan gaji atau apa-apa saraan lain atau mengenai penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain bagi pegawai atau penjawat Lembaga sementara menanti prosiding tatatertib selesai. Peraturan-peraturan tatatertib itu boleh juga mewujudkan kesalahan-kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan mengenai hukuman-hukuman tatatertib. Peraturan-peraturan tatatertib itu hendaklah juga memberi peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding itu diambil untuk membuat representasi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1515.]